

'Keganasan berleluasa jika umat Islam terus ditindas'

BH - 12/11/2019 ml/8:2

Kezaliman Israel terhadap Palestin cetus kecewa, marah: PM

Oleh Norhafzan Jaafar dan Nor Afzan Mohamad Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, lebih banyak perbuatan ganas akan terus berleluasa pada masa hadapan jika umat Islam terus ditindas.

Perdana Menteri berkata, punca utama serangan ganas di seluruh dunia adalah kekecewaan negara Islam, terutama terhadap apa yang berlaku kepada rakyat Palestin.

Justeru, beliau menjelaskan, adalah penting bagi dunia mengenali pasti perkara berkenaan dalam mencari penyelesaian menangani masalah itu.

"Penting untuk kita faham punca di sebalik perbuatan ganas ini. Ini disebabkan kekecewaan dan rasa marah masyarakat Is-



Dr Mahathir bersama Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (kanan) melawat perpustakaan IKIM selepas kolokium di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

lam apabila mereka ditindas. Rakyat Palestin dan Islam secara umumnya marah dan kecewa kerana Israel boleh buat apa sahaja tanpa dikutuk masyarakat dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kolokium bertajuk 'Mendalami Pemahaman Islamofobia: Ke Arah Pemahaman Mendalam Terhadap Islam' anjuran

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini semalam.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan, tindakan serta serangan ganas bersendirian untuk menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap apa yang berlaku di Palestin, tidak pernah membuahkan hasil, sebaliknya menyebabkan lebih ramai orang tidak bersalah menjadi mangsa.

"Selama 70 tahun rakyat Palestin berjuang menuntut hak mereka, tetapi tidak pernah menunjukkan perkembangan positif, sebaliknya lebih banyak tanah mereka dirampas," katanya.

Istilah Islamofobia juga, katanya, muncul susulan rasa kecewa dan marah umat Islam terhadap kezaliman Israel di Palestin, ditambah pula kewujudan negara rejim itu di Palestin turut diiktiraf kuasa besar termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) walaupun jelas ia melanggar proses demokrasi.

"Dunia tidak melakukan apa-apa kecuali melihat pendudukan secara haram dilakukan Israel di wilayah Palestin yang turut melanggar undang-undang antarabangsa," katanya mengajak umat dan negara Islam berganding bahu untuk meraih simpati dan sokongan dunia terhadap Palestin.

"Adalah tidak benar semua negara Eropah dan (rakyat) Amerika Syarikat menentang Islam atau penduduk di Palestin. Ramai bersimpati, tetapi perbuatan (serangan ganas) menyebabkan mereka hilang simpati terhadap masyarakat Islam," katanya.